



LAWAT PENGUNDIAN...Naib Canselor UMS Prof Dr Mohd. Harun Abdullah (kiri) melawat sesi pilihan raya kampus sambil diiringi oleh Pendaftar UMS, Mejar (K) Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said (tengah) dan Timbalan Naib canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Datuk Dr. Kasim Md. Mansur (kanan).

## Mohd Juhar menang salah satu kerusi induk pilihan raya UMS

*NST 27.09.2012 2*  
KOTA KINABALU: Mohd Juhar Harun memenangi salah satu kerusi induk dalam pilihan raya Kampus Universiti Malaysia Sabah (PRK-UMS) dengan undian 6,989 diikuti dengan Sharifah Yong Nadia Salleh dengan jumlah undian sebanyak 6,652 dan Fairus Fadhilah Mohamed pula telah mendapat sebanyak 6,262 undian.

Sebanyak 38 kerusi telah dipertandingkan dalam pilihan raya Kampus Universiti Malaysia Sabah (PRK - UMS) pada Selasa di UMS dan lebih 11,000 pelajar keluar mengundi pada pilihan raya kampus tahun ini.

Daripada jumlah itu, sebanyak 10 kerusi merupakan kerusi kategori umum di mana yang selebihnya iaitu sebanyak 28 kerusi pula merupakan kategori sekolah yang ada di dalam UMS.

Bagi PRK-UMS kategori umum yang memperlihatkan sebanyak 10 dipertandingkan, ia telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Kampus Induk sebanyak 7 kerusi, Kampus Labuan, 2 kerusi dan Kampus Sandakan sebanyak 1 kerusi.

Sementara itu, bagi PRK-UMS kategori sekolah pula yang telah mempertandingkan sebanyak 28 kerusi dan telah dibahagi-bahagikan kepada Kampus Induk sebanyak 22 kerusi, Kampus Labuan, 4 kerusi dan Kampus Sandakan sebanyak 2 kerusi.

Secara keseluruhannya, PRK-UMS kategori umum bahagian Kampus Induk itu sahaja telah mencatat undian yang terkumpul sebanyak 55,368 daripada 10 penama yang telah dicalonkan.

Selain itu, bagi kerusi kategori umum bahagian Kampus Labuan pula telah dimenangi oleh Al Mughni Shah Jabran yang telah berjaya meraih sebanyak 970 undi dan sebanyak

152 undi pula telah berjaya dirai bagi memenangi Kampus Sandakan iaitu Emyrul Syafiq.

Bagi kategori kerusi sekolah-sekolah bahagian Kampus Induk sahaja yang dipertandingkan telah memperlihatkan calon Sekolah Sains Sosial iaitu Fazrie Ramalan merupakan calon yang telah berjaya mendapat undian terbanyak berbanding sekolah-sekolah lain.

Di mana, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial calon yang menang iaitu Muliana Tahir jumlah undiannya hanyalah sebanyak 814. Sementara, bagi Sekolah Perniagaan Dan Ekonomi, calonnya yang menang, Muhammad Nur Iskandar berjaya mendapat 876 undian.

Bagi kerusi Sekolah Perniagaan Dan Kewangan Antarabangsa Labuan telah menobatkan Keliana Jaflin sebagai pemenang keseluruhannya iaitu sebanyak 719 undian diikuti oleh Mohd Aznil Ashikin Suhaili yang telah berjaya mengutip sebanyak 548 undian.

Terdapat sebanyak 12 kerusi sekolah yang telah menang tanpa bertanding di mana ia datang daripada 5 sekolah di Kampus Induk sementara 1 sekolah merupakan daripada Kampus Sandakan.

Setiap sekolah mempertandingkan sebanyak dua kerusi. Di antara sekolah-sekolah berkenaan adalah, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Sekolah Pengajian Seni, Sekolah Perubatan, Sekolah Sains Makanan Dan Pemakanan, Sekolah Sains dan Teknologi dan Sekolah Pertanian Lestari (Sandakan).

Di samping itu, bagi Pusat Pengajian Pasca Siswazah pula tidak mempunyai sebarang calon yang turut bertanding di mana bermakna dua kerusi adalah kosong. **-OLEH OLI CHONG (@newsabahtimes.com.my)**